

BAB

4

PENGUKURAN HAK MILIK

TANAH PERTANIAN

Chong Lih Fa dan Kamalahasan Achu

4.1 PENGENALAN

Secara keseluruhannya, komponen pembangunan cantuman dan pecah sempadan bagi projek ini adalah terdiri daripada sepuluh lot tanah pertanian di atas Lot 4748, Lot 4749 dan Lot 4750, Mukim Kahang, Daerah Kluang, Negeri Johor yang berkeluasan 4.366 hektar. Pada kebiasaannya, tanah pertanian adalah terletak di kawasan luar bandar, walau bagaimanapun, cara pengukuran adalah sama seperti pengukuran di kawasan bandar untuk tanah bangunan dan industri.

4.1.1 Objektif

Laporan ini disediakan untuk projek ukur hak milik untuk tanah pertanian yang merangkumi tiga atau lebih lot berdampingan di mana keluasan cantuman tidak kurang daripada tujuh hektar dan termasuk dua daripada sempadannya yang bertindih dengan dan diletakkan semula berdasarkan ukuran yang diluluskan terdahulu. Dalam projek ini, tanam pastian atau penggantian tanda sempadan perlu dijalankan serta penentuan azimut dengan cerapan matahari. Laporan ini dibahagikan kepada enam fasa utama seperti diterangkan dalam

metodologi (Licensed Land Survey Act 1958, 2005; Licensed Land Surveyors Regulations 2011, 2011).

4.1.2 Metodologi

Metodologi merupakan elemen yang penting dalam pelaksanaan projek di mana ia merupakan penyusunan langkah dan prosedur pelaksanaan sesuatu projek. Perkara-perkara yang dibincangkan dapat dibahagikan kepada enam fasa dan ianya adalah seperti berikut:

- (1) Fasa satu— Peringkat pengumpulan maklumat tapak projek
- (2) Fasa dua— Peringkat semakan informasi kelulusan pihak berkuasa yang terlibat
- (3) Fasa tiga— Peringkat pemilihan datum kerja
- (4) Fasa empat— Peringkat kerja ukuran kawalan mendatar dengan kaedah terabas yang mengikut piawai ukur kadaster
- (5) Fasa lima— Peringkat penentuan azimut dengan cerapan matahari
- (6) Fasa enam— Peringkat pemprosesan data

4.2 PENGUMPULAN MAKLUMAT TAPAK PROJEK

Maklumat terperinci projek akan dijelaskan pada subitem di bawah.

4.2.1 Maklumat Tapak Projek

Lot asal tanah ini adalah Lot 4748, Lot 4749 dan Lot 4750 dengan jumlah keluasan 4.366 hektar dan telah dicamtum dan dipecah sempadan secara serentak dengan cara serah balik dan kurnia semula untuk menjadi sepuluh plot-plot yang berasingan, iaitu PTD 9623, PTD 9624, PTD 9625, PTD 9626, PTD 9627, PTD 9628, PTD 9629, PTD 9630, PTD 9631 dan PTD 9632 yang akan dikurniakan hak milik berasingan yang terletak di Mukim Kahang, Daerah Kluang, Negeri Johor. Tuan punya tanah bersama bagi projek ini adalah Lam Yuk Ham dan Ling Woan Ting.

4.2.2 Tinjauan Tapak Projek Ukur Hak Milik

Tinjauan ke atas kawasan yang hendak dijalankan ukuran hak milik adalah perlu untuk mendapatkan gambaran keseluruhan kawasan. Hasil tinjauan ini membolehkan perancangan pengukuran dapat dibuat dengan tepat dan cepat. Kedudukan tapak ini adalah strategi di mana Lot 4748, Lot 4749 dan Lot 4750 adalah terletak betul-betul di Bandar Kahang dan berhadapan dengan Jalan Mersing dan jalan susur keluar adalah Jalan Lalang Sungai Kahang. Laluan keluar masuk adalah sangat sesuai dan senang untuk pembangunan akan datang. Tapak projek ini sangat strategik dibangunkan untuk kegunaan kediaman kerana ia berada di dalam Kawasan Bandar Kahang dan berdekatan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kahang, Taman Kahang.



Rajah 4.1 Lokasi tapak cadangan (sumber: *Google Map*)